WIKIPEDIA

Bahasa Cina Baku

Bahasa Mandarin Baku merupakan Bahasa Cina yang dipertutur secara rasmi dan digunakan di negara-negara Republik Rakyat China, Republik China di Taiwan, Malaysia dan Singapura.

Fonologi Bahasa Mandarin Baku berasaskan dialek Beijing yang digolongkan dalam golongan bahasa **Mandarin**, segolongan dialek-dialek Cina yang meluas di bahagian China utara dan barat daya. Perbendaharaan katanya banyak diukir daripada golongan dialek tersebut. Tatabahasa Bahasa Mandarin Baku diselaraskan dengan hasil-hasil moden yang ditulis dalam bentuk bahasa Cina Vernakular yang dipraktikkan mengikut tradisi dialek-dialek golongan Mandarin yang amat rapat disertakan dengan beberapa pengecualian. Hasilnya, Bahasa Mandarin Baku itu sendiri dipanggil sebagai "Mandarin" dalam penggunaan harian. Namun, pakar bahasa menggunakan istilah "Mandarin" sebagai merujuk kepada keseluruhan golongan dialek Mandarin. Pendekatan ini akan diambil untuk isi-isi artikel ini yang selebihnya.

Bahasa Mandarin Baku dikenali di Republik Rakyat China sebagai **Putonghua** (Cina Ringkas: 普通话 Hanyu Pinyin: Pǔtōnghuà, bermaksud "pertuturan biasa"), di Republik China (Taiwan) sebagai **Guoyu** (Cina Tradisional: 國語 Tongyong Pinyin: Guóyǔ, Wade-Giles: Kuo-yü, "bahasa kebangsaan"), dan di Malaysia serta Singapura sebagai **Huayu** (Cina Tradisional: 標準華語, Cina Ringkas: 标准华语;, Hanyu Pinyin: *Biāozhǔn huáyǔ*, "bahasa Cina (dalam erti kebudayaan)"). Ketiga-tiga istilah ini boleh saling dipakai antara komuniti bangsa Cina seluruh dunia dimana kumpulan-kumpulan berbeza dapat berhubungan.

Taburan jenis-jenis bahasa Cina di rantau timur China (termasuk Taiwan, Hong Kong dan Makau). Dalam peta ini, Bahasa Mandarin (perang muda) paling luas taburannya.

Isi kandungan

Sejarah

Fonologi

- Awalan
- Akhiran
- Akhiran -r
- Nada

Perbandingan dengan bahasa lama
Peranan bahasa Mandarin Baku
Bahasa Mandarin Baku dan dialek lain
Rujukan
Rujukan buku

Sejarah

Sejak zaman kuno lagi, bahasa Cina sentiasa terdiri daripada pelbagai dialek; maka sering perlunya dialek berprestij dan lingua franca. Sebagai contoh, Confucius lebih gemar menggunakan *yǎyán* (雅言, bermaksud "pertuturan beradab") berbanding dialek setempat dan catatan Dinasti Han juga merujuk kepada *tōngyǔ* (通语, "bahasa am"). Buku rima yang dicatat sejak Dinasti Selatan dan Utara mungkin juga mencerminkan satu atau lebih daripada satu sistem sebutan baku ketika itu. Namun, kesemua dialek piawai ini barangkalinya tidak dikenali di kalangan orang bukan elit berpendidikan tinggi. Tambahan pula, sebutan mungkin amat berbeza kerana faktor penyatuan semua dialek Cina, bahasa Cina Klasik, merupakan piawaian bahasa bertulis bukan bahasa ditutur.

Dinasti Ming (1368 - 1644) dan Dinasti Qing (1644 - 1912) mula menggunakan istilah *guānhuà* (官话, "pertuturan rasmi"), untuk merujuk kepada pertuturan yang digunakan dalam istana. Istilah "Mandarin" berasal daripada orang Portugis. Perkataan *mandarin* mula-mulanya digunakan untuk merujuk kepada pegawai birokrat China (iaitu, *mandarins*) kerana orang Portugis, akibat tersilap anggap bahawa perkataan bahasa Sanskrit (*mantri* atau *mentri*) yang digunakan di seluruh Asia untuk merujuk kepada "pegawai" mempunyai kaitan dengan perkataan bahasa Portugis *mandar* (mengarah seseorang untuk melakukan sesuatu), lalu memerhati bahawa pegawai Cina semuanya "mengeluarkan arahan", maka tergelarlah *mandarins*. Oleh itu, orang Portugis dengan serta-merta mula menggelar bahasa khusus yang ditutur antara pegawai-pegawai China (iaitu, "Guanhua") "bahasa orang mandarin", "bahasa mandarin" atau "Mandarin". Kenyataan bahawa Guanhua merupakan bahasa buatan dalam beberapa aspek, berdasarkan satu set kelaziman (iaitu, famili bahasa Cina Utara bagi tatabahasa dan pengertian, serta sebutan terperinci setempat Istana bagi penggunaannya), adalah faktor utama yang menjadikannya istilah sesuai untuk bahasa Cina Baku Moden.

Adalah kelihatan bahawa ketika tahun-tahun awal tempoh tersebut, bahasa bakunya berdasarkan dialek Nanjing, namun lama-kelamaan dialek Beijing makin berpengaruh, meskipun para pegawai dan rakyat biasa mencampuradukkan dialek-dialek dalam ibu negara, Beijing. Pada abad ke-17, Empayar China menubuhkan Akademi Ortoepi (正音书院, *Zhèngyīn Shūyuàn*) dalam percubaan memastikan sebutan menuruti piawaian Beijing. Namun, cubaan ini tidak banyak berjaya. Pada abad ke-19 Maharaja mengalami kesulitan dalam memahami beberapa menteri bangina sendiri dalam istana, kerana pegawai tersebut tidak sentiasa cuba menuruti mana-mana sebutan baku. Akhirnya, pada 1909, Dinasti Qing yang berada di ambang kejatuhan telah menubuhkan dialek Beijing sebagai *guóyǔ* (国语), atau "bahasa kebangsaan".

Setelah Republik China ditubuhkan pada 1912, usaha meluaskan satu bahasa kebangsaan yang umum makin berhasil. Satu Suruhanjaya bagi Penyatuan Sebutan berkumpul merangkumi delegasi dari seluruh negara. Mulanya terdapat satu cubaan untuk memperkenalkan sebutan baku dengan unsur dialek setempat, namun ini telah dianggap sebagai terlalu sukar untuk dipromosikan, maka pada 1924 cubaan ini dihentikan dan dialek Beijing dijadikan sumber utama sebutan nasional baku kerana status dialek ini sebagai dialek berprestij sejak Dinasti Qing. Unsur-unsur dari dialek lain masih wujud dlam bahasa baku inu, sebagai pengecualian dari hukum.

republik Rakyat China yang ditubuhkan pada 1949 menyambungkan usaha ini. Pada 1955, *guóyǔ* dinamakan semula sebagai *pǔtōnghuà* (普通话), atau "pertuturan umum". (Pertukaran nama ini tidak diiktiraf oleh Republik China yang hanya menaungi Taiwan dan beberapa pulau di sekelilingnya sejak 1949.) Semenjak itu, piawaian yang digunakan di tanah besar China dan Taiwan amat ketara jurangnya.

Setelah penyatuan semula Hong Kong dan Makau dengan Republik Rakyat China [1] (http://www.info.gov.hk/info/hkbrief/eng/ahk.htm), istilah *pǔtōnghuà* digunakan dalam Kawasan Pentadbiran Khas Republik Rakyat China, dan sistem pinyin juga dipakai secara meluas.

Di tanah besar China dan juga Taiwan, penggunaan bahasa Mandarin baku sebagai bahasa pengantaraan dalam sistem pendidikan dan dalam media banyak menyumbang kepada penyebaran bahasa Mandarin baku. Kesannya, bahasa Mandarin baku kini fasih ditutur oleh kebanyakan orang di tanah besar China dan Taiwan. Namun di Hong Kong, atas sebab sejarah dan linguistik, bahasa pendidikan serta kedua-dua pertuturan rasmi dan tidak rasmi masihlah bahasa Kantonis namun bahasa Mandarin baku makin berpengaruh.

Fonologi

Fonologi piawai bagi Bahasa Mandarin Baku adalah seperti berikut. Sungguhpun demikian, sebutan bahasa ini banyak berbeza-beza di kalangan penuturnya, kerana setiap orang (termasuk pemimpin negara) meyisipkan unsur-unsur dialek ibundanya secara semulajadi. Sebaliknya, juruhebah televisyen dan radio dipilih kerana ketepatan sebutan mereka. Berikut adalah fonologi Bahasa Mandarin Baku.

Awalan

Berikut adalah inventori awalan bagi Bahasa Mandarin Baku seperti yang dilambangkan dalam Huruf Fonetik Antarabangsa (IPA):

	Bibir		**Bibir-gigi**	**Alveolar**		**Retrofleks**		**Alveolo-palatal**		**Velum**	
Plosif	p	pʰ		t	tʰ					k	kʰ
Nasal	m			n							
Frikatif			f	s		ʂ	(ʐ)[1]	ɕ		x	ɰ
Afrikat				ʦ	ʦʰ	ʈʂ	ʈʂʰ	ʨ	ʨʰ		
Anggaran lateral				l							
Anggaran	w					ɻ[1]		j			

[1] /ɻ/ sering ditranskripsi sebagai [ʐ] (frikatif retrofleks bersuara). Ini melambangkan variasi dalam sebutan antara penutur yang berlainan, dan bukanlah dua fonem berbeza.

Carta serupa digunakan di:

- Pinyin
- Zhuyin
- Gwoyeu Romatzyh

Bagi maklumat lebih lanjut yang menunjukkan bagaimana awalan dan akhiran berinteraksi, lihat carta (http://www.wfu.edu/~moran/Cathay_Cafe/IPA_NPA_4.htm) Zhuyin-IPA ini. Bunyi-bunyi vokal dalam carta ini telah disahkan menurut telunjuk laman (http://www.sil.org/computing/speechtools/softdev2/IPAhelp2/ipavowel2.htm) IPA rasmi.

Konsonan alveolo-palatal /tɕ tɕʰ ɕ/ berada dalam pembahagian saling melengkapi (lihat pasangan minimal) dengan konsonan alveolar /ts tsʰ s/, konsonan retrofleks /tʂ tʂʰ ʂ/ dan konsonan velum /k kʰ x/. Kesannya, para pakar bahasa lebih gemar mengkelaskan /tɕ tɕʰ ɕ/ sebagai alofon kepada salah satu antara ketiga-tiga set lain. Sistem Yale dan Wade-Giles, contohnya, banyak melihat konsonan lelangit sebagai alofon kepada konsonan retrofleks; Tongyong Pinyin pula menganggapnya sebagai alofon kepada konsonan gigi; dan dalam sistem Braille Cina pula sebagai alofon konsonan velar.

Konsonan yang diistilahkan sebagai *retrofleks* di sini secara fonetiknya bukan lafazan retrofleks sebenar. Sebaliknya, konsonan-konsonan ini sebenarnya *postalveolar apikal rata*, yang berbeza daripada konsonan palatoalveolar dan retrofleks (sebenar) (Ladefoged & Wu 1984; Ladefoged & Maddieson 1996:150-154).

/tɕ tɕʰ ɕ/ boleh disebut sebagai [tsj tsʰj sj], khususnya oleh wanita muda dan juga sebilangan lelaki. Sebutan sebegini biasanya dianggap agak keperempuanan dan juga di bawah piawai.

Awalan tunggal paling kerap disebut sebagai [ɰ], namun [n], [ŋ], [ɣ], dan [ʔ] juga kerap didapati dalam sebilangan dialek bahasa Mandarin.

Akhiran

Akhiran, atau rima suku kata dalam bahasa Mandarin Baku, ialah bahagian selepas konsonan awalan. Akhiran bahasa Mandarin boleh dihuraikan secara struktur sebagai $(V_m)V(C_f)$. Dengan erti kata lain, akhiran ini terdiri daripada medial, nukleus (teras), dan koda. Medial ini, jika ada, boleh menjadi salah satu daripada tiga luncuran yang selari dengan tiga vokal tinggi: /i/, /u/, /y/. Koda juga mungkin tidak hadir, atau menjadi salah satu daipada luncuran -i dan -u; atau salah satu daripada dua konsonan nasal -n dan -ŋ.

Sekurang-kurangnya terdapat fonem-fonem berikut:

- [a] (hanya dalam akhiran [a], [ia], [ua], [ai], [uai], [an], [uan], [au], [iau], [aŋ], [iaŋ], [uaŋ])
- [e] (hanya dalam akhiran [ie], [ye], [ei], [uei])
- [ɛ] (hanya dalam akhiran [iɛn], [yɛn] dan dalam sukukata terasing [ɛ])
- [o] (hanya dalam akhiran [uo], [ou], [iou])
- [ɔ] (dalam sukukata terasing [ɔ])
- [ə] (hanya dalam akhiran [ən], [uən], [əŋ], [uəŋ])
- [ɤ] (hanya dalam akhiran [ɤ])
- [ɻ̩] (hanya dalam akhiran [ɻ̩])
- [ɹ̩] (hanya dalam akhiran [ɹ̩])
- [i] (hanya dalam akhiran [i], [in], [iŋ])
- [ʊ] (hanya dalam akhiran [ʊŋ], [iʊŋ])
- [u] (hanya dalam akhiran [u])
- [y] (hanya dalam akhiran [y], [yn])

Ini menunjukkan terdapat 14 bunyi vokal berlainan. Seiring dengan piawaian yang amat konservatif, ini mewakili satu sistem fonem: /a/ ([a]), /e/ ([e]/[ɛ]), /o/ ([o]/[ɔ]), /ə/ ([ə]/[ɤ]), /ɨ/([ɻ̩]/[ɹ̩]), /i/, /u/ ([ʊ]/[u]), dan /y/.

Apabila medial, nukleus, dan koda bergabung menjadi akhiran, sebutannya mungkin dipengaruh. Berikut adalah senarai penuh akhiran dalam Bahasa Mandarin Baku dalam IPA:

Nucleus	Coda	Medial			
		Ø	i	u	y
a	Ø	a	ia	ua	
	i	ai		uai	
	u	au	iau		
	n	an	iɛn	uan	yɛn
	ŋ	aŋ	iaŋ	uaŋ	
ə	Ø	ɤ	ie	uo [1]	ye
	i	ei		uei	
	u	ou	iou		
	n	ən	in	uən	yn
	ŋ	əŋ	iŋ	uəŋ, ʊŋ [2]	iʊŋ
Ø		ɨ	i	u	y

[1] Kedua-dua pinyin dan zhuyin mengandungi "o" tambahan yang digunakan selepas awalan "b p m f", maka dibezakan daripada "uo" yang digunakan selepas awalan lain. Secara amnya, "o" diletakkan dalam kolum pertama dan bukannya yang ketiga. Namun begitu, dalam sebutan Beijing, kedua-dua fonem ini seiras.
[2] /uəŋ/ disebut [ʊŋ] apabila menyusuli awalan.

Akhiran -r

Rencana utama: Erhua

Bahasa Mandarin Baku juga menggunakan konsonan rhotik, /ɚ/. Penggunaan ini merupakan ciri unik dalam bahasa Mandarin Baku, sementara dialek-dialek lain tiada bunyi ini. Dalam bahasa Mandarin, ciri ini dikenali sebagai Erhua. Terdapat dua kes di mana gunanya ciri ini:

1. Dalam sebilanga kecil perkataan, seperti 二 "dua", 耳 "telinga", dll. Semua perkataan sedemikian disebut [ɑɚ] tanpa konsonan awalan.
2. Sebagai akhiran kata nama (Cina Tradisional: -兒, Cina Ringkas: -儿). Akhiran ini bergabung di akhiran suku kata, maka terhasilnya perubahan sebutan yang biasa tetapi kompleks.

Akhiran "r" mestilah dibezakan daripada separuh vokal retrofleks yang ditulis "ri" dalam ejaan pinyin dan diwakili sama ada oleh [ɻ] atau [ɹ] dalam IPA. Menyebut "The star rode a donkey" (Bintang menunggang keldai) dalam bahasa Inggeris Amerika, atau "Wo nü-er ru yiyuan" (Anak perempuan saya masuk hospital) dalam bahasa Mandarin, menjelaskan bahawa "r" pertama dalam mana-mana ayat disebut dengan lidah yang agak lemah, manakala "r" kedua berbunyi seperti lidah dipintalkan secara aktif dan menyentuh bahagian atas mulut.

Dalam dialek bahasa Mandarin yang lain, konsonan rhotik kadang-kadang diganti oleh suku kata yang lain, seperti "li" dalam perkataan yang menandakan lokasi. Contohnya, "zher" dan "nar" masing-masing menjadi "zhe li" dan "na li."

Nada

Bahasa Mandarin sepertilah dialek-dialek Cina lain, merupakan bahasa bernada. Ini bermakna bahawa nada, sepertimana konsonan dan vokal, digunakan untuk membezakan perkataan. Kebanyakan orang luar menghadapi kesukaran menguasai nada-nada setiap aksara, namun sebutan nada yang betul penting untuk kemudahan pemahaman kerana banyaknya bilangan perkataan dalam bahasa ini yang hanya dibezakan oleh nada. Berikut adalah empat nada Bahasa Mandarin Baku:



Perubahan pic relatif dalam empat nada berbeza.

Nama nada	Yin Ping	Yang Ping	Shang	Qu
Kontur nada	55	35	21 (4)	51
Nombor nada	1	2	3	4

1. **Nada pertama**, atau **nada rata tinggi** (Cina Tradisional: 陰平, Cina Ringkas: 阴平, pinyin: yīnpíng, harfiahnya "rata yin"):

   Bunyi rata yang tinggi, seakan-akan dinyanyi dan bukan disebut.

2. **Nada kedua**, atau **nada naik** (Cina Tradisional: 陽平, Cina Ringkas: 阳平, pinyin: yángpíng, "rata yang"), atau secara linguistik, **tinggi-naik**:

   Bunyi yang timbul dari nada aras tengah ke tinggi (seperti teriakan "Hah?!" apabila terkejut atau tidak dapat dengar)

3. **Nada ketiga**, **nada rendah**, atau rendah-turun-naik (Cina Tradisional: 上聲, Cina Ringkas: 上声, pinyin: shǎngshēng atau shàngshēng, "nada naik"):

   Bunyi menyurut dari sederhana-rendah ke rendah, lalu naik balik (seperti teriakan "Hah?" apabila tidak faham atau menunjukkan bahawa pesanan dicatatkan)

4. **Nada keempat** atau **nada turun** (Cina Tradisional: 去聲, Cina Ringkas: 去声, pinyin: qùshēng, "nada pergi"), atau **tinggi-turun**:

   Bunyi menerjun curam dari aras tinggi ke rendah (serupa dengan teriakan "Hah!" apabila mencari sesuatu atau mendapati pesalah)

5. **Nada kelima**, **nada neutral** atau **nada sifar** (Cina Ringkas: 轻声; Cina Tradisional: 輕聲; pinyin: qīng shēng, harfiahnya: "nada ringan"), kadang-kadang tersalah faham sebagai tiada nada. Nada neutral ini agak sukar untuk dikuasai penutur bukan ibunda kerana bilangan besar kontur aloton yang tidak dapat disifatkan: tahap bunyinya bergantung hampir sepenuhnya kepada nada yang dibawa oleh suku kata sebelumnya. Situasi ini dirumitkan lagi oleh bilangan variasi dialek yang dikaitkan dengannya; dalam sesetengah rantau, khususnya Taiwan, nada neutral jarang didapati. Sungguhpun terdapat banyak contoh pasangan minimal (contoh, 要是 dan 钥匙, masing-masing *yàoshì* "jika" dan *yàoshi* "kunci") namun kadang-kala ini dihuraikan sebagai sesuatu selain nada yang cukup kembang atas sebab teknikal: contohnya, oleh sebab sesetengah pakar bahasa telah lama merasai bahawa kenadaan sukukata yang membawa nada neutral ini merupakan kesan "penyebaran" nada itu pada sukukata sebelumnya. Ide ini banyak diterima secara intuitif kerana tanpanya, nada neutral memerlukan hukum sandhi nada

yang amat kompleks untuk difahami; memang begitulah bahawa perlunya 4 aloton berbeza, satu untuk setiap satu daripada empat tron yang mendahuluinya. Sungguhpun demikian, adlaah ditunjukkan bahawa teori "penyebaran" ini tidak cukup menggambarkan nada neutral, terutamanya dalam susunan yang mana lebih daripada satu sukukata bernada neutral diguguskan[1].

Suku kata "ma" disebut dengan empat nada (bantuan·maklumat)

Berikut adalah hasil kajian dialek Beijing[2]. Dialek-dialek lain mungkin sedikit berbeza.

Nada suku kata pertama	Aras nada neutral	Contoh	Pinyin	Maksud
1	2	玻璃	bōli	kaca
2	3	伯伯	bóbo	pak long
3	4	喇叭	lǎba	trompet
4	1	兔子	tùzi	arnab

Kebanyakan sistem perumian bahasa Mandarin baku menandakan nada-nada ini dengan membubuh diakritik pada huruf vokal (cth. Pinyin, MPS II dan Tongyong Pinyin). Zhuyin pula juga menggunakan diakritik. Sistem rumi yang lain, seperti Wade-Giles, menggunakan nombor superskrip pada hujung setiap sukukata. Tanda dan nombor nada jarang dipakai dalam buku selain buku teks pembelajaran. Gwoyeu Romatzyh pula tidak menandakan nada-nada dengan simbol, sebaliknya menggunakan huruf-huruf biasa (itupun kaedahnya amat rumit).

Untuk mendengar nada-nada tersebut, lihat http://www.wku.edu/~shizhen.gao/Chinese101/pinyin/tones.htm (http://www.wku.edu/~shizhen.gao/Chinese101/pinyin/tones.htm) (klik pada simbol yin yang biru-merah).

Sebutan juga berbeza-beza dengan konteks menurut hukum sendi nada. Kejadian sejenis ini yang paling sering berlaku adalah yang mana adanya dua nada ketiga berturut-turut, dan pada itu nada yang pertama bertukar menjadi nada naik. Kontur nada ini kadang-kadang tersilap hurai sebagai bersamaan dengan nada kedua; apabila kedua-duanya amat serupa, kebanyakan penutur bahasa ini sebagai bahasa ibunda boleh membezakannya (bandingkan 起码 dan 骑马, pinyin masing-masing *qǐ mǎ* dan *qí mǎ*). Dalam kesusasteraan, kontur ini sering digelar *nada dua-per-tiga* atau *nada separuh ketiga*. Jika terdapat tiga nada ketiga berturut-turut, hukum sendi nada makin rumit, dan bergantung pada sempadan kata, penekanan, dan variasi dialek.



Bentuk nada ketiga apabila sebelum nada pertama, kedua dan keempat.

Perbandingan dengan bahasa lama

Rencana utama: Bahasa Cina Pertengahan

Jadual berikut membincangkan sejarah fonologi bahasa Cina, iaitu hubungan antara bahasa Cina Pertengahan (yang ditutur sekitar akhir alaf pertama hingga awal alaf kedua) dengan nada moden:

V- = konsonan awalan tidak bersuara
L = konsonan awalan bergema
V+ = konsonan awalan bersuara (tidak bergema)

Nada Bahasa Cina Pertengahan	Ping (平)			Shang (上)			Qu (去)			Ru (入)		
Awalan Bahasa Cina Pertengahan	V-	L	V+	V-	L	V+	V-	L	V+	V-	L	V+
Nama Nada Bahasa Mandarin Baku	Yin Ping (阴平, 1)	Yang Ping (阳平, 2)		Shang (上, 3)		Qu (去, 4)				bertabur ke semua nada tanpa mengikut aturan yang nyata	ke Qu	ke Yang Ping
Kontur Nada Bahasa Mandarin Baku	55	35		214		51					51	35

Adalah diketahui bahawa jika dua morfem bagi sesuatu gugusan kata tidak boleh disusun mengikut nahu, susunan morfem-morfem tersebut biasanya ditentukan melalui nada — Yin Ping (1), Yang Ping (2), Shang (3), Qu (4), dan Ru (R), iaitu nada akhiran berkonsonan hentian yang sudah lenyap dari bahasa Mandarin baku kesan evolusi bahasa. Berikut adalah beberapa perkataan gugusan yang menunjukkan hukum ini.

左右 (zuǒ yòu, 34)
南北 (nán běi, 2R)
轻重 (qīng zhòng, 14)
贫富 (pín fù, 24)
凹凸 (āo tū, 1R)
喜怒 (xǐ nù 34)
哀乐 (āi lè, 1R)
生死 (shēng sǐ, 13)
死活 (sǐ huó, 3R)
阴阳 (yīn yáng, 12)
明暗 (míng àn, 24)
毁誉 (huǐ yù, 34)
褒贬 (bāo biǎn, 13)
离合 (lí hé, 2R)

Peranan bahasa Mandarin Baku

Dari segi pandangan rasmi, bahasa Mandarin Baku secara teorinya umpama lingua franca — satu kaedah bagi penutur pelbagai dialek/bahasa orang Han yang tidak boleh saling difahami, serta juga antara orang Han dan entik bukan Han untuk berkomunikasi satu sama lain. Nama "Putonghua" sendiri, atau "pertuturan umum", memeperkuasakan ide ini. Namun, dari segi amali, oleh sebab bahasa Mandarin baku menjadi lingua franca dan satu bahasa "umum", bahasa-bahasa dan dialek-dialek lain, sama ada Han atau tidak, telah menunjukkan tanda-tanda kurang berdaya tahan akibat keluasan bahasa Mandarin baku, sehingga menyedihkan ramai pendukung budaya tempatan.

Di Taiwan, *Guoyu* (bahasa kebangsaan) terus menjadi istilah rasmi bagi bahasa Mandarin baku. Istilah *Guoyu* amat jarang dipakai di tanah besar China, kerana tindakan mengisytiharkan piawaian berdasarkan dialek Beijing sebagai bahasa kebangsaan mungkin dianggap tidak adil kepada dialek Cina lain dan kaum minoriti. Sebaliknya, istilah *Putonghua* (pertuturan biasa) bukanlah apa selain tanggapan sebagai lingua franca. Namun begitu, *Guoyu* masih dipakai oleh kebanyakan penduduk tanah besar yang lebih tua, dan juga sering digunakan di kalangan komuniti Cina Amerika Syarikat, bahkan di kalangan keturunan pendatang dari tanah besar. Sesetengah orang Taiwan, terutamanya penyokong kemerdekaan Taiwan, juga membantah penggunaan *Guoyu* untuk merujuk kepada bahasa Mandarin yang piawai, atas sebab bahawa "guo" (negara) yang dirujuk dalam nama bahasa itu ialah China dan bahawa Taiwan sepatutnya merdeka. Mereka lebih gemar menggelar bahasa Mandarin sebagai "dialek Beijing" atau *Zhongwen* (bahasa bertulis China). Sepertilah kebanyakan perkara-perkara berkenaan politik di Taiwan, ada yang menyokong nama *Guoyu* atas sebab-sebab yang sama dengan pembangkangnya.

Pada bulan Disember 2004, pantauan pertama penggunaan bahasa di Republik Rakyat China mendapati bahawa hanya 53% daripada populasinya, iaitu sekitar 700 juta orang, boleh berkomunikasi dalam bahasa Mandarin Baku. (China Daily) (http://www.chinadaily.com.cn/english/doc/2004-12/26/content_403419.htm) Satu pantauan yang hasilnya dikeluarkan pada bulan September 2006 turut memberi keputusan yang sama

(*South China Morning Post*). 53% ini ditentukan apabila seseorang dapat memperoleh 3-B(Kadar ralat: kurang daripada 40%) ketika menjalani Ujian Penilaian. Satu lagi pantauan pada tahun 2003 oleh China National Language And Character Working Committee menunjukkan bahawa, jika bahasa Mandarin baku ditentukan pada 1-A (Kadar ralat: kurang daripada 3%), peratusannya ialah Beijing 90%, Shanghai 3%, Tianjin 25%, Guangzhou 0.5%, Dalian 10%, Xi`an 12%, Chengdu 1%, Nanjing 2%. inilah sebabnya pelajar bahasa Cina berketurunan asing perlu belajar bahasa Cina oral di Beijing, tetapi tiada hadnya untuk belajar tatabahasa dan aksara Cina.

Bahasa Mandarin Baku dan dialek lain

Piawaian kebangsaan mungkinlah banyak berbeza daripada dialek-dialek lain dalam kelompok dialek-dialek Mandarin, sehingga menjadi sedikit sukar untuk saling difahami. Tambahan pula, sejak bahasa Mandarin naku ditutur sebagaui bahasa kedua di kebanyakan kawasan di China, adalah kerap didapati juga bagi bahasa ini ditutur dalam pelat rantauan yang didiami seseorang penutur, dalam pelbagai takat bergantung kepada faktor-faktor seperti umur, tahap pendidikan, perlunya dan kekerapan bertutur untuk tujuan rasmi. Usaha oleh PRC, ROC, dan Singapura untuk mempromosikan bahasa Mandarin baku sebagai bahasa piawaian telah banyak meningkatkan bilangan penutur bahasa ini.

Apa yang mengecewakan penutur bukan Mandarin ialah perihal bahawa peranan bahasa Mandarin baku yang amat kuat telah menyebabkan salah tanggapan oleh orang ramai bahawa bahasa Mandarin itu satu-satunya "bahasa Cina". Sungguhpun kedua-dua tanah besar China dan Taiwan memakai bahasa Mandarin baku sebagai bahasa rasmi dan tanah besar China ingin sekali memperluaskan kegunaan bahasa ini di seluruh negara sebagai bahasa perhubungan kebangsaan, tiadanya niat rasmi di kedua-dua tempatan itu untuk bahasa Mandarin baku menggantikan dialek tempatan, dan sebagai hal praktik, bahasa Mandarin baku masih tidak dapat menggantikan penggunaan dialek tempatan, terutamanya di wilayah-wilayah selatan tanah besar China atau di Taiwan. Hanya mampu bertutur dalam bahasa Mandarin baku mungkin mendatangkan masalah bergaul di tempat-tempat sedemikian; sesetengah penutur bahasa Cina di situ, terutamanya warga emas, meskipun tidak bermasalah memahaminya namun tidak fasih bertutur dalam bahasa baku ini. Bagaimanapun, situasi ini kelihatan makin berubah terutamanya di kawasan bandar, di mana terjadinya perubahan sosial, migrasi dan urbanisasi.

Di Taiwan, hubungan antara bahasa Mandarin baku dan dialek tempatan, terutamanya bahasa Taiwan, makin renggang. Berikutan pengunduran Kuomintang (KMT) ke Taiwan pada tahun 1949 sehingga penarikan undang-undang ketenteraan pada 1980-an, kerajaan ROC tidak menggalakkan penggunaan bahasa Taiwan atau dialek lain yang dipandangnya sebagai bertaraf rendah. Parti Kuomintang terdiri daripada pendatang tanah besar yang tidak fasih berbahasa Hokkien. Meskipun menjadi minoriti, oleh sebab orang tanah besar Cinalah satusatunya jenis orang yang mengemudi kerajaan ROC awal, mereka mampu menggubal perundangan dan peraturan untuk mengurangkan penggunaan bahasa tempatan. Contohnya, di tempat awam atau di sekolah, Parti KMT melarang pertuturan dalam bahasa Taiwan. Ini menerima tindak balas negatif yang hebat pada 1990-an. Meskipun sesetengah penyokong tegar kemerdekaan Taiwan mengehendaki bahasa Mandarin baku diganti oleh bahasa Taiwan, usaha menggantikan bahasa Mandarin dengan bahasa Taiwan atau piawaian bahasa majmuk tidak berjaya. Namun begitu, di sekolah masa sekarang, bahasa Taiwan diajar sebagai satu matapelajaran, dengan buku teks dan bahan kursus yang dikhususkan. Presiden Taiwan, Chen Shui-Bian sering menggunakan bahasa Taiwan dalam ucapannya. Bekas presiden pula, Lee Teng-hui ketika ditemu bual media, juga pernah menggunakan bahasa Taiwan apabila menjawab pertanyaan.

Di Singapura, kerajaannya banyak mempromosikan kempen "Speak Mandarin" habis-habisan untuk mengambil satu bahasa am antara komuniti orang Cinanya yang pelbagai suku dialek. Penggunaan dialek Cina selain Mandarin dalam media penyiaran diharamkan serta penggunaan dialek sedemikian dalam mana-mana konteks tidak digalakkan secara rasmi. Ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati sesetengah pihak kerana kebanyakan komuniti Cina Singapura berketurunan China selatan maka bahasa Mandarin dianggap

sebagai bahasa asing. Lee Kuan Yew yang melancarkan kempen ini, sendirinya mengakui bahawa bagi rakyat Singapura, bahasa Mandarin ibarat "bahasa ibunda tiri". Namun begitu, beliau melihat perlunya satu baahsa Cina yang disatukan di kalangan orang Cina Singapura, lalu menutup sekolah Cina yang mengajar dialek dan mengharamkan dialek daripada penyiaran (kecuali apabila beliau menjalankan kempen politik).[3]

Adala diingatkan sementara istilah *Hànyǔ* (Cina Tradisional: 漢語, Cina Ringkas: 汉语), atau "bahasa Cina Han", kadang-kadang hanya merujuk kepada bahasa Mandarin, secara lebih tepatnya istilah tersebut merujuk kepada semua jenis bahasa Cina, semata-mata kerana bahasa-bahasa tersebut ditutur oleh orang Han. Satu pengakuan yang kerap dikemukakan oleh penutur dialek lain seperti bahasa Hakka dan bahasa Kantonis, ialah bahawa dialek mereka sendirilah yang merupakan *Hanyu* "sebenar", kerana nahunya lebih "tepat" dengan nahu bahasa Cina klasik.

Rujukan

1. Yiya Chen and Yi Xu, *Pitch Target of Mandarin Neutral Tone* (abstract (http://www.ling.yale.edu:16080/labphon8/Poster_Abstracts/Chen.pdf)), presented at the 8th Conference on Laboratory Phonology (http://www.ling.yale.edu:16080/labphon8)
2. Wang Jialing, *The Neutral Tone in Trysyllabic Sequences in Chinese Dialects*, Tianjin Normal University, 2004
3. Lee Kuan Yew (2000). From Third World to First: The Singapore Story: 1965-2000. HarperCollins. ISBN 0-06-019776-5.

Rujukan buku

- Ladefoged, Peter; & Maddieson, Ian. (1996). *The sounds of the world's languages*. Oxford: Blackwell Publishers. ISBN 0-631-19814-8 (hbk); ISBN 0-631-19815-6 (pbk).
- Ladefoged, Peter; & Wu, Zhongji. (1984). Places of articulation: An investigation of Pekingese fricatives and affricates. *Journal of Phonetics*, *12*, 267-278.

Diambil daripada "https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Bahasa_Cina_Baku&oldid=4705621"

Laman ini kali terakhir disunting pada 06:15, 19 Januari 2020.

Teks disediakan dengan Lesen Creative Commons Pengiktirafan/Perkongsian Serupa; terma tambahan mungkin digunakan. Lihat Terma Penggunaan untuk butiran lanjut.